

Karnival Siswa Perak Sejahtera 2030 2.0

Tanjong Malim, 7 September -Selari dengan hasrat pembinaan jati diri mahasiswa, Kerajaan Negeri Perak melalui Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak telah menganjurkan Program Karnival Siswa Perak Sejahtera 2030 2.0 pada 5 September hingga 7 September 2025.

Karnival ini merupakan siri kedua yang telah diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Sekali lagi dipilih sebagai tuan rumah untuk karnival ini buat kali kedua. Karnival ini melibatkan seramai 1000 mahasiswa Anak Perak daripada Institut Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara, politeknik dan pelajar tingkatan enam.

Pelaksanaan karnival ini berjaya membina hubungan silaturahim yang kukuh dan erat dalam kalangan mahasiswa dari pelbagai universiti, politeknik dan pelajar tingkatan enam dengan Kerajaan Negeri Perak melalui pelbagai pengisian aktiviti dan modul yang mana amat menitikberatkan pergaulan dan persekitaran yang positif antara mahasiswa. Modul Latihan Dalam Kumpulan (LDK) atau lebih dikenali sebagai 'Team Building'

yang bersifat kenegaraan telah menyuntik nilai semangat patriotisme dan cinta akan negara Malaysia dalam diri setiap mahasiswa yang bakal memimpin negara kelak.

Seterusnya, aktiviti futsal, bola jaring, sukan rakyat dan 'explorace' yang dijalankan di Stadium Arena, UPSI dilaksanakan bertujuan untuk membantu pemantapan mahasiswa yang proaktif serta berbakat dalam pelbagai bidang dan aspek.

Slot bagi Malam Pentas Seni Siswa pula menampilkan persembahan-persembahan kesenian seperti nyanyian, tarian dan sketsa pendek dari para peserta mengikut kumpulan bagi memperlihatkan kreativiti dan bakat dalam diri mahasiswa anak Perak.

Menteri Besar Perak, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Saarani Mohamad dalam Majlis Perasmian Penutup Karnival Siswa Perak Sejahtera 2030 2.0 menzahirkan rasa bangga dan teruja melihat ribuan mahasiswa anak Perak dikumpulkan dan diberi pendedahan berkaitan aspirasi dan hala tuju Kerajaan Negeri Perak dalam mencapai Pelan Pembangunan Negeri Perak Sejahtera 2030 melalui modul-modul LDK yang diketengahkan sepanjang program berlangsung.

Tambah beliau lagi, mahasiswa anak Perak perlu menjadi tonggak utama dalam membangunkan negeri sendiri iaitu Negeri Perak ini selari dengan pelan yang telah dirancang.

Turut hadir dalam karnival tersebut ialah Yang Berhormat Khairudin Abu Hanipah, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak, Yang Berhormat Parlimen Tanjong Malim, Chang Lih Kang serta Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPSI, Profesor Dr. Suriani Abu Bakar.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI Terajui Mesyuarat Pertama Sekretariat Taskforce OKU UA 2025

Tanjong Malim, 2 September - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mencatat sejarah apabila menjadi tuan rumah Mesyuarat Kali Pertama Sekretariat Taskforce Orang Kurang Upaya (OKU) Universiti Awam (UA) Malaysia yang menghimpunkan 33 ahli daripada 20 universiti seluruh negara.

Mesyuarat julung kali itu merupakan kesinambungan usaha memantapkan pengurusan inklusif OKU di peringkat universiti dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

komuniti. Pengerusi sekretariat, Profesor Dr. Norkhalid Salimin, yang juga Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, menegaskan kepentingan penyelarasan data, penganjuran program berimpak tinggi serta pelaporan yang lebih tersusun dan responsif. "Sekretariat ini menjadi platform penyatuan usaha

UA dalam memperkukuh tadbir urus, ekosistem, kebajikan serta menangani isu semasa berkaitan pengurusan OKU di universiti," katanya. Hadir sama, Kaliyapan a/l Rajakumaran, Ketua Penolong Pengarah Seksyen Kesejahteraan Mahasiswa (SKM), JPT, KPT, yang membentangkan isu dasar berkaitan pengurusan OKU serta menyeru semua UA memperkukuh komitmen terhadap agenda inklusif negara. Mesyuarat turut menerima maklum balas positif daripada ahli sekretariat yang menekankan keperluan program-program berimpak dan kolaborasi bersama komuniti OKU di UA.

Sekretariat Taskforce OKU UA dianggotai semua universiti awam dan bersidang dua kali setahun, dengan pengerusinya dilantik secara bergilir setiap dua tahun melalui Mesyuarat Jawatankuasa Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor UA Malaysia.

UPSI Ukir Kejayaan di Pentas DICE 3.0

Johor Bahru, 4 September - Program Digital Innovation Creativepreneur (DICE) 3.0 yang diadakan pada 1 hingga 4 September 2025 di Persada Johor International Convention Centre, telah berlangsung dengan jayanya, justeru, menjadi medan berprestij peringkat kebangsaan dalam mengetengahkan kreativiti dan inovasi digital dalam kalangan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Program ini merupakan anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan menyaksikan penyertaan yang memberangsangkan daripada para pelajar seluruh negara. Seramai 320 pelajar dan pensyarah IPT termasuk Indonesia, Thailand dan Brunei telah mempersembahkan 64 projek inovasi digital. DICE 3.0

mempertandingan empat kategori utama yang merangkumi animasi pendek, filem pendek, aplikasi interaktif media (VR/AR) dan aplikasi permainan digital dengan membawa 'Air' sebagai tema projek para peserta. Setiap IPT dibenarkan menghantar dua penyertaan sahaja dalam dua kategori berbeza.

Sehubungan itu, Pihak Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (EDGE) telah menghantar 2 kumpulan pelajar dari Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK) bagi menyertai kategori Animasi Pendek dan Filem Pendek.

Pasukan UPSI, Grill Creative, telah dinobatkan sebagai Naib Juara bagi Kategori Animasi Pendek dengan membawa pulang geran KPT sebanyak RM 5,000 serta menerima Pingat Emas.



Penyelidik UPSI Bantu Penternak Ikan Keli Teluk Intan

Teluk Intan - Usaha Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bersama Catfish Junior Malaysia dan Pusat Latihan SADC Perak nyata membuahkan hasil apabila Projek Pemindahan Ilmu (KTP) berjaya meningkatkan produktiviti serta kualiti penternakan ikan keli di daerah ini.

Melalui projek berkenaan, pasukan penyelidik UPSI termasuk pensyarah dan pelajar memperkenalkan penggunaan ekstrak tumbuhan tempatan, Chromolaena odorata, sebagai agen antibakteria semula jadi. Kaedah itu terbukti berkesan mengurangkan jangkitan kuman sekali gus meningkatkan kadar penetasan telur ikan keli.

Projek dilaksanakan dalam dua peringkat. Peringkat pertama memberi tumpuan kepada latihan untuk jurulatih di Catfish Junior Malaysia. Seterusnya, ilmu yang sama dipindahkan kepada pelatih di Pusat Latihan SADC Perak.

"Penggunaan ekstrak C. odorata bukan saja menjadikan benih lebih sihat malah

mengurangkan kadar kematian ikan. Ia alternatif lebih selamat berbanding bahan kimia yang berisiko kepada ikan dan manusia," kata wakil penyelidik UPSI.

Selain manfaat kepada pengusaha, projek ini turut memberi pengalaman berharga kepada pelajar UPSI. Mereka bukan sahaja memahami teori malah berpeluang mengaplikasikan kaedah moden penternakan ikan keli secara langsung di lapangan. Bagi penternak tempatan, kaedah baharu itu membuka mata. Ramai yang sebelum ini berdepan masalah kematian larva akibat jangkitan kini mampu menghasilkan benih lebih berkualiti. Ilmu yang dikongsi juga meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kualiti air dan mengamalkan ternakan lebih mesra alam.

"Memang banyak beza sebelum dan selepas projek ini. Dulu benih cepat mati, sekarang lebih kuat dan sihat. Hasil pun meningkat," kata salah seorang pengusaha yang terlibat. Walaupun berdepan cabaran masa kerana

kesibukan industri, projek ini tetap berjalan lancar dengan sokongan dana Geran KTP (Kod: 2024-0062-PP-01) daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) UPSI. Secara keseluruhan, projek KTP ini memberi impak besar – daripada peningkatan produksi benih ikan, perkongsian pengetahuan teknologi moden kepada pengusaha hinggalah kepada pembangunan kemahiran pelajar universiti.

Lebih penting, ia mewujudkan komuniti penternak yang lebih berdaya saing, berilmu dan mampu berdikari. Projek ini dijangka menjadi pemangkin kepada usaha menjadikan Perak sebagai salah satu pusat pengeluaran ikan keli berkualiti tinggi di negara ini, selain menyokong pembangunan industri akuakultur yang lebih lestari dan mesra alam.

Nama Penyelidik:

- Prof. Madya Dr. Mohamed Nor Azhari Azman (Ketua) - FTV
- Ts. Dr. Zalina Ismail - FTV
- Muhammad Jaafar Kasem

